

# 'Amat dinantikan selama ini'

Penduduk sambut baik pengisytiharan Seremban sebagai sebuah bandar raya

SARINAH MAT KASIM & NUR SHARIEZA ISMAIL

SEREMBAN - Rabu lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan mengumumkan Seremban akan berstatus bandar raya pada tahun depan. Kenyataan itu sekali gus menjawab persoalan ramai terutama penduduk sekitar negeri ini mengenai cadangan mengisytiharkan Seremban sebagai sebuah bandar raya sejak sekian lama.

Untuk merealisasikan hasrat itu, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) akan digabung menjadi satu entiti baharu yang akan dikendalikan seorang Datuk Bandar.

Apabila sudah diiktiraf sebagai bandar raya, sudah pasti perkhidmatan diberikan pihak berkuasa tempatan (PBT) nanti termasuk dari segi kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dan perkhidmatan awam, semuanya perlu cemerlang.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati rata-rata penduduk di negeri ini gembira dan menyambut baik pengumuman berkenaan.

Penjawat awam, Syarol Rizan Adam, 36, berkata, sebagai rakyat Negeri Sembilan, dia berasa bangga mengenai pengiktirafan ini.

Tahniah diucapkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan di atas kejayaan bersejarah

yang bakal tiba ini.

"Ini bermakna Negeri Sembilan akan duduk sama tinggi dengan negeri maju yang terdapat di Malaysia, seperti negeri Selangor dan Pulau Pinang.

"Ia juga sedikit sebanyak dapat menaikkan imej Seremban khususnya dan Negeri Sembilan amnya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, di sebalik kejayaan berkenaan, dia berharap supaya kesejahteraan penduduk tidak diabaikan, malah tiada kenaikan kos termasuk cukai pintu.

Usahawan, Rica Yanti Nazrun, 45, pula berkata, dia gembira apabila Seremban bakal berstatus bandar raya tidak lama lagi.

"Ia memang bagus dan amat dinanti-nantikan selama ini. Apabila Seremban menjadi sebuah bandar raya nanti, sudah semestinya sistem pengangkutan dan infrastruktur perlu berada dalam keadaan paling terbaik.

"Cuma, jangan pula nanti cukai dinaikkan walaupun kerajaan negeri sudah beri jaminan tidak akan ada kenaikan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Gilman Riduwan 41, pula berpendapat, walaupun bangga kerana Seremban akan berstatus bandar raya, namun beberapa perkara perlu diperhalusi untuk mengelakkan orang ramai terbeban.

"Walaupun bagus apabila ke-



Pusat bandar Seremban kini semakin membangun.



SYAROL RIZAN



RICA YANTI



ABDUL MAJID NAINA



GILMAN RIDUWAN

rajaan negeri mengumumkan Seremban akan diiktiraf sebagai bandar raya tahun depan, perkara-perkara seperti bayaran letak kereta, cukai dan perkhidmatan perlu diperhalusi terlebih dahulu supaya tidak mendatangkan beban kepada rakyat," katanya.

Pandangan yang sama turut dikongsi seorang peniaga di Taman Temiang Jaya, Abdul Majid Naina Mohamad, 40, yang melihat masalah kos sara hidup yang tinggi lebih penting berbanding status negeri

maju.

"Kerajaan perlulah memahami bebanan yang ditanggung rakyat. Kita tak mahu nanti bila sudah diisytihar sebagai bandar raya, penduduk kena tanggung banyak kos lain," katanya.

## Naikkan cukai bukan syarat wajib

Bagi menjawab keresahan orang ramai itu, Rabu lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan memuktamkan, walaupun sudah di-

isytiharkan bandar raya nanti, tidak semestinya cukai akan naik.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai tidak perlu bimbang dengan kemungkinan kenaikan cukai.

Bellau berkata, tiada sebarang syarat wajib ditetapkan untuk mendapatkan peng-

iktirafan bandar raya, kerajaan negeri perlu menaikkan cukai.

"Rakyat tak perlu bimbang, cukai takkan naik, kita pun bukan senang-senang nak naikan cukai. Lagipun itu bukan syarat wajib untuk kita diiktiraf bandar raya kena naikan cukai, itu tidak ada.

"Sekarang ini pun ada beberapa PBT yang mohon untuk naikan cukai tapi kita tak benarkan. Sehingga kini cukai pintu masih lagi dikekalkan dengan tarif yang sama," katanya.

Bandar Nilai yang akan digabungkan dengan Seremban menjadi sebuah bandar raya.



● Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) akan digabung menjadi satu entiti baharu yang akan dikendalikan seorang Datuk Bandar



Pemandangan bandar Seremban dari udara.